

1. Kriteria Kelayakan untuk Pemilikan Unit Rumah SPEKTRA Lite

- a. Pendapatan kasar isi rumah **RM4,000.00 dan ke bawah**;
- b. Warganegara Malaysia yang berasal dari Sarawak;
- c. Lelaki/wanita bujang berumur 30 tahun ke atas;
- d. Berkahwin dan berumur di antara 18 tahun sehingga 65 tahun
- e. Berkahwin, Ibu/bapa tunggal, janda, balu dan duda; dan
- f. Tidak memiliki rumah lain.

2. Kriteria Kelayakan untuk Pemilikan Unit Rumah SPEKTRA Medium

- a. Pendapatan kasar isi rumah **RM5,000.00 dan ke bawah**;
- b. Warganegara Malaysia yang berasal dari Sarawak;
- c. Lelaki/wanita bujang berumur 30 tahun ke atas;
- d. Berkahwin dan berumur di antara 18 tahun sehingga 65 tahun
- e. Berkahwin, Ibu/bapa tunggal, janda, balu dan duda; dan
- f. Tidak memiliki rumah lain.

Syarat-syarat Pemilikan

- a) Pemilik rumah SPEKTRA tidak dibenarkan menjual rumah dalam tempoh **sepuluh (10) tahun** mulai dari tarikh Perjanjian Jual dan Beli ditandatangani, kecuali jika rumah tersebut digadai oleh pihak bank yang mana harga gadaian tertakluk kepada harga pasaran;
- b) Selepas sepuluh (10) tahun, pemilik rumah SPEKTRA boleh menjual rumah mereka mengikut harga pasaran dan penjualan/pembelian ini tidak lagi akan tertakluk kepada syarat- syarat/kriteria kelulusan permohonan untuk pemilikan jenis rumah tersebut; dan
- c) Adalah disyorkan agar para **pemilik rumah kos rendah yang sedia ada dibenarkan untuk membeli rumah jenis SPEKTRA Medium** sekiranya mereka ingin “menaiktaraf” jenis rumah yang mampu mereka miliki dengan syarat tempoh moratorium (5 tahun) untuk rumah kos rendah mereka yang sedia ada telah tamat, dan mereka memenuhi kriteria untuk pemilikan rumah SPEKTRA Medium.